

# Masyarakat dunia kena rungkai krisis melanda Palestin

BH - 10/2/2020 m/s: 3

## Janji perlu ditunai berpandu resolusi OIC, PBB dan undang-undang antarabangsa

**Petaling Jaya:** Masyarakat antarabangsa akan kehilangan asas sahik mengikut peruntukan perundangan sekiranya polemik Palestin dibiarkan tanpa penyelesaian kukuh, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Timbalan Perdana Menteri berkata, komuniti antarabangsa sebaliknya mesti bertindak sekarang dengan menunaikan pelbagai janji dan merungkai krisis melanda Palestin berpandukan resolusi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan undang-undang antarabangsa.

Katanya, Malaysia sentiasa bersedia untuk memainkan peranan merealisasikan pelan 'penyelesaian dua negara' yang diyakini berupaya memberikan keadilan kepada rakyat Palestin, sekali gus mengakhiri kemelut tujuh dekad melanda bumi Islam berkenaan.

"Malaysia berpegang kepada prinsip keamanan. Justeru kita kesal dengan proses dialog damai antara Palestin dan Israel yang ketika ini masih tidak berganjak. Malah, situasi semasa semakin meruncing serta membimbang-

kan.

"Komuniti antarabangsa perlu bertindak dan mengambil keputusan nekad bagi menubuhkan negara Palestin. Namun, pembabitian pihak bertelagah harus dijadikan sandaran utama terhadap usaha ini supaya sebarang penyelesaian memperoleh jaminan kukuh.

"Bagi Malaysia, pelan damai yang dikemuka Amerika Syarikat (AS) sangat berat sebelah kepada Israel dan terus meminggirkan hak sebenar rakyat Palestin," katanya pada ucapan penutup Persidangan Liga Parlimen Al-Quds Kali Ketiga, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap penasihat persidangan, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Yang

Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur persidangan, Dr Syed Ibrahim Syed Noh.

Berbanding krisis berkaitan agama, Dr Wan Azizah berkata, polemik Palestin berkisar kepada perihal kemanusiaan yang turut mendapat perhatian dan diperjuangkan ramai tokoh serta individu ternama warganegara Israel beragama Yahudi.

Kritikan tanpa mempedulikan pengaruh negara kuasa besar itu antaranya disuarakan saintis, Albert Einstein, tokoh akademik, Noam Chomsky dan penulis terkenal, Alfred Lilienthal, selain golongan artis seperti Selena Gomez, Penelope Cruz, Morgan Freeman serta pemain bola sepak, Cristiano Ronaldo.

Sehubungan itu, Dr Wan Azizah mengambil pendirian bahawa kemunculan gerakan berskala besar sedemikian mencerminkan perkembangan positif terhadap perjuangan membela hak dan kepentingan rakyat Palestin.

"Selari usaha memberikan keadilan, kita mahu memastikan generasi muda tidak alpa dan lupa dengan kesengsaraan ditimpa rakyat Palestin selama tujuh dekad.

"Mungkin, sudah tiba masanya untuk kita menubuhkan muzium An Nakba bagi memperingati penderitaan dan perjuangan yang diharungi rakyat Palestin selama ini," katanya.

 **Malaysia  
berpegang  
kepada prinsip  
keamanan. Justeru  
kita kesal dengan  
proses dialog damai  
antara Palestin dan  
Israel yang ketika ini  
masih tidak  
berganjak.**

**Dr Wan Azizah Wan Ismail,  
Timbalan Perdana Menteri**